

**Umno Kuala Terengganu Buka Biro Pengaduan Awam  
Bernama  
29 Jan, 2014**

KUALA TERENGGANU, 29 Jan (Bernama) -- Umno bahagian Kuala Terengganu menubuhkan pusat Biro Pengaduan Awam sebagai platform untuk menyelesaikan masalah rakyat di peringkat akar umbi.

Ketuanya Datuk Mohd Sabri Alwi berkata pusat yang beroperasi mulai hari ini di bangunan Umno Jalan Gong Kapas akan menumpukan kepada aduan seperti perkhidmatan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan persekolahan.

"Ini adalah cabaran besar buat Umno Kuala Terengganu kerana kita tiada wakil rakyat dari Barisan Nasional di keempat-empat kawasan Dewan Undangan Negeri. Jadi pusat ini adalah sebagai alternatif untuk rakyat datang mengadu permasalahan mereka.

"Kita akan cuba menyelesaikan seberapa banyak kes yang mampu tanpa mengira fahaman politik dan agama, katanya kepada pemberita selepas merasmikan pusat itu.

Pusat ini beroperasi lima hari seminggu dengan mempunyai 15 orang petugas untuk melayan aduan rakyat.

Ia juga boleh dihubungi di talian 09-6231071.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1010884>